

Falsafah Akhlak dan Nilai Manusia dalam Kepenggunaan Produk Halal: Analisis Terhadap Ayat al-Qur'an Terpilih

BITARAVolume 4, Issue 4, 2021: 077-090
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

Philosophy of Islamic Ethics and Values in Consumption of Halal Products: Analysis of Selected Qur'anic Verses

Shahirah Said,^{1*} Siti Sarah Izham², Nadiyah Ramlan², Sakinatul Raadiyah Abdullah³
& Mohamad Khairul Izwan Rifin²

Abstrak

Falsafah akhlak dan nilai merupakan salah satu daripada asas disiplin ilmu falsafah. Konsepnya menyeluruh dalam membincangkan tingkah laku manusia. Falsafah akhlak meletakkan manusia yang berperanan sesuai dengan fitrahnya sebagai makhluk Allah SWT. Hal yang sama dalam isu-isu kepenggunaan produk halal. Kepincangan dalam memahami dan mengurus isu-isu kepenggunaan halal menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat, kerugian dalam aspek ekonomi, gagal mengambil manfaat halalan tayyiba, mencari keuntungan bersifat kuantiti sahaja, mementingkan terpengaruh dengan prinsip kepenggunaan konvensional dan lain-lain lagi. Persoalannya, apakah falsafah akhlak dalam mengurus isu-isu kepenggunaan produk halal? Apakah nilai-nilai Islam yang ada dalam memahami kepenggunaan produk halal? Oleh sebab perkara ini melibatkan isu-isu umat Islam, maka al-Qur'an digunakan sebagai sumber utama bagi dianalisis. Makalah ini mempunyai dua objektif. Pertama, menjelaskan maksud falsafah akhlak dan nilai dan kedua, menganalisis ayat-ayat al-Qur'an mengenai falsafah akhlak dan nilai dalam kepenggunaan produk halal. Kajian secara kepustakaan ini mendapati manusia perlu berakhlak sesuai dengan tuntutan Khaliq seperti berusaha mendapatkan makan yang baik dan halal, melakukan amal soleh dengan Allah, bersyukur atas nikmat rezeki yang baik serta lain-lain lagi. Setiap perkara yang telah ditetapkan dalam syariat-Nya merupakan manfaat yang kembali kepada manusia itu sendiri.

Kata kunci:

Falsafah Islam, Akhlak, Nilai Manusia, Produk Halal.

Abstract

The philosophy of Islamic ethics and values is one of the foundations of the discipline of philosophy. The concept is comprehensive in discussing human behavior. Islamic ethics places human beings whose role is in accordance with their nature as creatures of Allah SWT. The same is true in the issues of consumption of halal products. Lack of understanding and managing the issues of halal consumption

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. Kampus Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh Pulau Pinang, MALAYSIA.

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40450 Shah Alam, Selangor

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah. Kampus Kedah 08400 Merbok, Kedah, MALAYSIA

Corresponding Author:

Shahirah Said, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang. Kampus Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh Pulau Pinang, MALAYSIA.

*e-mel: shahirah4572@uitm.edu.my

causes confusion in society, loss in economic aspects, failure to take advantage of halal tayyiba, seeking the profit of quantity only, emphasis influenced by the principles of conventional consumption and others. The question is, what is the Islamic ethics in managing the issues of consumption of halal products? What are the Islamic values in understanding the use of halal products? Since this matter involves the issues of Muslims, then the Qur'an is used as the main source for analysis. This paper has two objectives. First, to explain the meaning of moral philosophy and values and second, to analyze the verses of the Qur'an on Islamic ethics and values in the consumption of halal products. This literature study found that human beings need to behave in accordance with the demands of Khaliq such as trying to get good and halal food, doing good deeds with God, being grateful for the blessings of good sustenance and others. Everything that has been prescribed in His law is a benefit that returns to man himself.

Keywords:

Philosophy of Islamic, Ethics, Values, Halal Products.

Cite This Article:

Shahirah Said, Siti Sarah Izham, Nadiah Ramlan, Sakinatul Raadiyah Abdullah & Mohamad Khairul Izwan Rifin. 2021. Falsafah akhlak dan nilai manusia dalam kepenggunaan produk halal: Analisis terhadap ayat al-Qur'an terpilih. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 77-90.

Pengenalan

Kepenggunaan produk halal melibatkan hak dan tanggungjawab yang ada pelbagai pihak seperti masyarakat yang berperanan sebagai pengguna, pihak pengusaha dan pengamal industri serta lain-lain lagi. Terdapat pelbagai program ke arah memberi kesedaran dan informasi semasa mengenai hak dan tanggungjawab kepenggunaan tersebut bagi mendepani isu-isu kepenggunaan halal yang melibatkan aspek sumber bahan, pemprosesan, penghasilan serta bagaimana pengguna memanfaatkan produk halal tersebut (Noraizan M dan Syuhaida Idha, A.R, 2019; Mohammad Aizat Jamaluddin, Mohd Anuar Ramli, Mariam Abdul Latif dan Dzulkiyly Mat Hashim & Suhaimi Ab Rahman, 2012).

Antara isu-isu yang dimaksudkan adalah seperti terdapat pengguna yang cenderung memilih produk yang murah tanpa mengambil berat isu kualiti dan keselamatan produk halal itu sendiri. Contohnya, alat kosmetik yang terdapat pada bahan kimia yang berbahaya, lambakan makanan tambahan yang tidak didaftarkan kepada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), ubat-ubatan tiruan dan sebagainya. Sungguh pun sains dan teknologi membantu pengeluaran produk halal dengan lebih cepat dan ekonomik namun pengguna perlu membatasinya dengan ilmu dan kefahaman yang tinggi berkenaan dengan risiko yang ada sekiranya menggunakan produk-produk tersebut (Portal Rasmi Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015; Norleen Mohamed Ali, 2014; Noraniza Abd Kadir, 2016 dan Norkumala Awang, 2016). Pengamal industri juga telah mengambil kesempatan dengan menghasilkan produk yang dapat memberi keuntungan semata-mata berbanding kualiti produk halal yang dihasilkan. Lebih-lebih lagi era Revolusi Industri 4.0, produk-produk yang berisiko ini mudah dihasilkan dengan menggunakan sains dan teknologi yang ada (Khalijah Mohd Salleh, 2007 dan Lokman Ab Rahman, 2013).

Oleh itu, kepenggunaan produk halal sepatutnya berorientasikan manfaat untuk manusia dan alam sekeliling dan akhirnya mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Berbeza dengan

prinsip kepenggunaan konvensional, kepenggunaan produk halal meletakkan manusia yang mempunyai *nafs, ruh, qalb* dan akal bagi menjalankan dua tanggungjawabnya iaitu pertama, tanggungjawab manusia terhadap manusia lain; dan kedua, tanggungjawab manusia terhadap masyarakat dan alam sekeliling (Shahirah Said, 2020; Nurshuhada Abdul Razak dan Siti Zaiton Mohd Dali, 2012). Kesemua elemen ini secara tidak langsung menonjolkan akhlak dan nilai yang merupakan salah satu cabang utama disiplin ilmu falsafah Islam. Falsafah akhlak dan nilai membicarakan aspek tingkah laku manusia secara holistik dan mengambil kira peranan semua pihak. Oleh sebab kajian ini melibatkan pengkajian kepenggunaan halal, maka al-Qur'an dirujuk sebagai sumber utama untuk dianalisis.

Oleh itu, makalah ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti maksud falsafah akhlak dan nilai Islam dan kedua, menganalisis ayat-ayat al-Qur'an terpilih mengenai falsafah akhlak dan nilai kepenggunaan halal dan ketiga, kesimpulan keseluruhan dilakukan.

Definisi Falsafah Akhlak dan Nilai Manusia

Perkataan falsafah berasal daripada perkataan Yunani yang mempunyai dua suku kata iaitu *philein* yang bermaksud mencintai dan *sophos* yang bermaksud hikmah dan jika digabungkan ia menjadi *philosophia* yang bermaksud kecintaan terhadap ilmu dan kebijaksanaan dengan mendalam. Ilmu tersebut juga dikaitkan dengan hikmah yang bermaksud apa-apa juga bidang ilmu, pemahaman, pengamalan moral, percambahan sudut pandangan dan sikap yang membawa kepada kebahagiaan (Mat Rofa Ismail, 2006).

Dalam konteks Bahasa Arab pula, disebut sebagai *filosof* atau dalam perkataan jamak ia disebut sebagai *falasifat* yang ditafsirkan sebagai ilmu bagi mereka yang mencintai hikmah secara sukarela (Mat Rofa Ismail, 2006 dan Shahrir Mohamad Zain, 2018). Menurut Seyyed Hussien Nasr (2006), ahli falsafah (*al-falasifat*) juga dikenali sebagai *hukama'* dan *'urafa* yang bermaksud mereka yang bijak dan arif. Dalam al-Qur'an perkataan hikmah berkait rapat dengan falsafah. Terdapat 20 tempat dalam al-Qur'an yang mengandungi perkataan hikmah dan kebanyakannya dikaitkan dengan falsafah seperti dalam firman Allah SWT;

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

“Allah SWT memberi hikmah kebijaksanaan (ilmu yang berguna) kepada sesiapa yang dikehendakinya. Dan sesiapa yang diberikan hikmah itu maka sesungguhnya ia telah diberi kebaikan yang banyak. Dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran (dan peringatan) melainkan orang-orang yang menggunakan akalnya.” (al-Baqarah, 2:269).

Ahmad Sunawari Long (2015) pula menyatakan, falsafah sebagai satu disiplin ilmu yang banyak mengemukakan masalah dan menunjukkan jalan penyelesaian Faedahnya kembali kepada individu, masyarakat dan negara. Menurut beliau lagi falsafah Islam merupakan lambang dan roh gerakan intelektual Islam. Falsafah Islam bukanlah ilmu tersendiri tetapi merangkumi empat bidang iaitu ilmu kalam, usul *fiqh*, tasawuf dan ilmu praktis. Ilmu praktis bermaksud perbincangan falsafah Islam yang melibatkan ilmu sains, politik, sosial, matematik, astronomi dan geografi. Pada zaman kecemerlangan Islam di Baghdad dan Andalus tidak ada

pemisah antara ilmu falsafah, sains dan agama. Kesemuanya dirangkum dan berkait antara satu sama lain. Ketika itu juga biasanya seorang ahli falsafah mempunyai lebih daripada satu kepakaran ilmu. Sebagai contoh ahli falsafah Ibn Sina turut terkenal sebagai pakar perubatan, al-Kindi pula sebagai tokoh astronomi, serta Ibn Rushd yang bukan sahaja mahir dalam bidang perubatan tetapi turut menguasai bidang usul fiqh (Ahmad Sunawari Long 2015).

Menurut Ibn Miskawayh akhlak merujuk keadaan jiwa seseorang yang mencetuskan pelbagai tindakan tanpa berfikir secara mendalam. Seiring dengan pendapat al-Ghazali pula yang menjelaskan bahawa akhlak merupakan suatu sikap yang terhasil setelah mengakar dalam jiwa. Tingkah laku dan sikap itu terhasil dengan mudah tanpa pemikiran yang mendalam dan pertimbangan awal. Umumnya, pemikir Islam menyatakan akhlak manusia itu bersumberkan dari hati dan jiwa manusia. Ia mencerminkan kedudukan jiwa seseorang (Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhammad Shukri dan Mohd Abbas Andul Razak, 2020).

Falsafah akhlak dan nilai pula merujuk suatu disiplin ilmu yang mengkaji pelbagai isu mengenai tingkah laku manusia seperti adat masyarakat, kebiasaan, susila dan sebagainya. Falsafah akhlak juga melibatkan unsur-unsur kerohanian dan spiritual seperti motif, niat, nafsu, tanggungjawab dan lain-lain. Hal ini juga secara tidak langsung menjelaskan nilai-nilai yang boleh terhasil daripada tingkah laku tersebut seperti kebahagiaan, keadilan, kebaikan, keburukan, manfaat kesihatan mental dan fizikal dan lain-lain lagi (Mohd. Nasir Omar, 2019). Berbeza dengan Mohd Syahmir Alias (2016) yang menjelaskan bahawa nilai merujuk sesuatu perkara yang berpandukan kepercayaan atau agama yang merangkumi tiga aspek iaitu betul-salah, baik-buruk dan tindakan sepatutnya-tidak sepatutnya. Nilai juga adalah berdasarkan piawaian tertentu atau berbentuk teori, serta dapat mempengaruhi tindakan manusia atau bersifat amali

Berbeza dengan sistem nilai menurut Barat yang meletakkan akal pemikiran manusia yang bersifat eksklusif, boleh dirungkai dan tidak konsisten (Shuhairimi Abdullah, 2008). Berdasarkan kajian Shahirah Said (2020), terdapat dua pembahagian yang terdapat dalam aksiologi, iaitu akhlak dan nilai serta kedua, merujuk kepada had, batasan dan larangan sesuatu perkara. Bagi memenuhi objektif kajian, makalah ini memberi fokus terhadap akhlak dan nilai manusia dalam kepenggunaan produk halal sahaja.

Seterusnya istilah kepenggunaan produk halal bermaksud, penggunaan seseorang terhadap sesuatu benda, barangan tertentu, perkhidmatan dan manfaat yang berlandaskan prinsip syarak. Kepenggunaan juga melibatkan empat perkara penting lain iaitu individu mukalaf, bentuk kepenggunaan, kaedah kepenggunaan dan objektif kepenggunaan (Mohd Hapiz Mahaiyadin dan Muhammad Rahimi Osman, 2015). Dalam Islam, kepenggunaan adalah mengguna sesuatu benda atau barangan yang boleh memberi faedah bagi menghasilkan manfaat yang dikehendaki. Islam mengajar dan membimbing manusia menggunakan nikmat tersebut dengan cara yang betul, sah dan halal menurut adab dan peraturan yang telah ditetapkan-Nya. Selanjutnya, produk halal yang dimaksudkan dalam makalah ini sebarang produk seperti makanan minuman, farmaseutikal, alat kosmetik, alat penjagaan diri, bahan gunaan dan lain-lain lagi yang dibenarkan oleh syarak. Halal tersebut juga harus meliputi semua aspek termasuk dalam proses penyediaan, sumber serta kesan penggunaannya dalam masyarakat. Halal juga bukan sekadar bermaksud sesuatu produk itu boleh dimakan disebabkan tiada larangan oleh hukum syarak sahaja tetapi halal turut meliputi maksud *tayyib* iaitu bersih, suci, selamat, berkualiti dan tidak memudaratkan. Oleh itu, keperluan bagi masyarakat Islam untuk

mendapatkan produk halal semata-mata adalah tidak memadai, sebaliknya mereka perlu benar-benar memahami dan mengaplikasikan konsep halal dan baik

Metodologi Kajian

Makalah ini menggunakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan data sekunder sebagai rujukan dan penganalisan. Secara lebih terperinci, terdapat lima langkah yang dilakukan dalam kaedah penganalisan kajian. Pertama, mengenal pasti dan menghimpunkan ayat-ayat al-Qur'an yang terdapat padanya tema halal yang berdasarkan empat istilah iaitu halal, *tayyiba*, *kulu* dan *isyrabu*. Kedua, menyusun ayat-ayat tersebut mengikut kronologi turunya ayat. Bagi memudahkan kefahaman, sebaiknya diketahui sebab dan penjelasan mengenai penurunan ayat-ayat yang dikaji tersebut. Ketiga, menganalisis ayat-ayat tersebut dengan merujuk kitab-kitab tafsir muktabar serta hadis-hadis Rasulullah SAW. Keempat, merujuk pandangan para sarjana Islam yang terdiri daripada kumpulan tradisional dan kontemporari. Hal ini bagi menjelaskan lagi isi tersurat dan tersirat mengenai kepenggunaan produk halal. Langkah terakhir pula melibatkan proses merumuskan keseluruhan hasil perbincangan dengan sistematik.

Antara kitab tafsir yang dirujuk dalam kajian ini ialah *Al-Tafsir al-Tabariy al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an* karangan al-Tabariy, *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* karangan al-Qurtubiy, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* karangan Ibn Kathir, *Fi Zilal al-Qur'an* karangan Sayyid Qutb, *Tafsir al-Azhar* karangan Abdul Malik Karim (HAMKA), *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidat wa al-Syari'at wa Manhaj* oleh al-Zuhayliy, *Tafsir al-Maraghiy* oleh Ahmad Mustafa al-Maraghiy dan *Tafsir Al-Misbah* oleh M. Quraish Shihab.

Setelah meneliti ayat-ayat al-Qur'an dengan menggunakan *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim* dan perisian www.tanzil.net, kajian mendapati terdapat 41 ayat al-Qur'an yang mengandungi istilah halal, *tayyib* (baik), *kulu* (makananlah) dan *isyrabu* (minumlah). Daripada 41 ayat tersebut terdapat 28 ayat yang menerangkan akhlak dalam isu-isu halal. Namun yang menjadi tumpuan dalam makalah ini hanyalah melibatkan 12 ayat sahaja. Iaitu yang membincangkan secara langsung mengenai falsafah akhlak dan nilai dalam kepenggunaan halal. Tidak termasuk kepadanya isu-isu had, batasan dan larangan dalam kepenggunaan halal.

Analisis Data, Dapatan dan Perbincangan

Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menerangkan falsafah akhlak dan nilai yang boleh dijadikan panduan kepada manusia bagi mentadbir, mengurus dan menggunakan alam sekeliling sebaik mungkin. Alam yang dimaksudkan di sini ialah perkaitan langsung atau tidak langsung dengan isu kepenggunaan produk halal dalam kehidupan. Dalam kepatuhan mematuhi peraturan Allah SWT khususnya terhadap penggunaan produk halal, terangkum padanya hikmah dan manfaat yang kembali kepada manusia. Seperti firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ
بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ
وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ ءَامَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۗ أُولَٰئِكَ
هُمُ الْمُفْلِحُونَ ١٥٧

“Iaitu orang yang mengikut Rasulullah Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka mengerjakan yang baik, dan melarang yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka yang baik-baik, dan mengharamkan yang buruk; dan ia menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Qur'an), mereka itulah orang yang berjaya” (al-A'raf, 7:157).

Mengikut al-Tabariy (2001), orang berjaya yang dimaksudkan ialah mereka yang beruntung setelah melaksanakan semua yang disebutkan oleh Allah SWT dalam ayat tersebut. Termasuklah kepatuhan manusia terhadap makanan yang diharamkan atau yang dibenarkan dalam Islam. Selanjutnya al-Qurtubiy (2006) dan al-Zuhayliy (2009) pula menjelaskan mereka yang beruntung merujuk kepada mereka yang mengagungkan, menolong serta menyebarkan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Selain itu al-Maraghiy (2001) dan M.Quraish Shihab (2002) menjelaskan lagi mereka bukan sahaja beruntung dengan memperoleh perkara yang dihajatkan, tetapi memperoleh keredaan dan rahmat Allah SWT.

Perincian mengenai nilai-nilai yang perlu ada pada manusia ketika menjalankan semua perintah Allah SWT khasnya kepatuhan terhadap produk halal juga boleh dilihat dalam seruan Allah SWT untuk terus melakukan amal soleh. Hal ini dapat dilihat dalam ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ

“Wahai Rasul-rasul, makanlah dari benda-benda yang baik, dan kerjakanlah amal-amal salih; sesungguhnya Aku Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan” (al-Mu'minun, 23:51).

Ayat *Makiyyat* ini diturunkan kepada semua utusan Allah SWT yang menyeru supaya manusia sentiasa berusaha mendapatkan makanan yang baik serta disusuli dengan amal yang soleh (al-Tabariy, 2001; Ibn Kathir, 1998). Terdapat dadis Rasulullah SAW yang bermaksud: “Tidak ada seorang Nabi pun melainkan menggembala kambing”. Para sahabat bertanya: “Termasuk engkau, ya Rasulullah?” dan baginda menjawab: “Ya dan aku menggembalakan kambing dengan upah beberapa kirat (4/6) dinar milik penduduk Makkah. Selain itu, terdapat juga hadis sahih lain yang bermaksud: “Sesungguhnya Daud a.s makan dari hasil jerih payah tangannya sendiri” (Ibn Kathir, 2003). Kedua-hadis ini membuktikan bagaimana para Rasul terdahulu mencari rezeki yang halal dengan usahanya sendiri.

Al-Tabariy (2001) menjelaskan, ‘makanlah yang baik’ bermaksud baik menurut hukum Allah SWT dan bukannya yang diharamkan oleh-Nya. Secara lebih terperinci, lafaz الطَّيِّبَاتِ

bermaksud yang diharuskan, halal, baik, tidak kotor, lazat, menenteramkan dan yang paling utama dapat memberi kesihatan yang baik. Hal ini membuktikan Allah SWT memelihara fitrah manusia yang memerlukan makan yang baik (al-Zuhayliy, 2009; dan M. Quraish Shihab, 2002). Konsep mendapatkan makanan yang sedap, manis dan lazat ini digalakkan dalam Islam. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh al-Qurtubiy (2006) bahawa tidak bertentangan dengan sikap zuhud jika suka mencari makanan yang lazat tetapi dalam kadar yang sederhana dan tidak berlebihan. Manakala keseimbangan makan juga dijelaskan oleh al-Qurtubiy (2008) bahawa manusia yang membatasi diri dengan mendapatkan makanan yang cukup zat akan menyebabkan perkembangan kesihatan seseorang terjejas. Bahkan bertentangan dengan hikmah Allah SWT yang Maha Pencipta. Manusia juga perlu bertanggungjawab menjaga, memelihara serta menjauhi segala yang mendatangkan mudarat kepada jasadnya.

Makanan baik melambangkan fizikal yang baik. Menurut Qutb (2003), makanan merupakan keperluan seluruh hidup manusia. Sesuai dengan perintah yang diberikan kepada manusia. Selain itu, makan makanan yang baik juga dapat meningkatkan darjat manusia, membersihkan diri dan sekali gus memperoleh ganjaran di syurga nanti. Ketika di dunia, Allah SWT memberi keberkatan kepada orang yang berusaha mendapatkan makanan yang halal. Keberkatan tersebut juga dilihat daripada aspek kesihatan yang baik, rezeki yang berkat, anak-anak yang soleh serta harta kekayaan (al-Zuhayliy, 2009).

Selain lafaz الطَّيِّبَاتِ terdapat juga lafaz lain dalam Surah al-Mu'minun (23:51) tersebut yang boleh diperincikan iaitu lafaz وَأَعْمَلُوا صَالِحًا yang bermaksud amal soleh. Al-Tabariy (2001k:488) menjelaskan, amal soleh merujuk mengerjakan perintah Allah SWT, mentaati-Nya serta menjauhi larangan-Nya. Hal ini perlu diterjemahkan melalui perkataan, perbuatan, petunjuk, menasihati dan lain-lain sama seperti yang dilakukan oleh para Rasul (Ibn Kathir, 1998). Amal soleh juga merujuk amalan yang sesuai dengan syariat iaitu menyempurnakan amalan fardu dan sunah. Jelas terbukti bahawa dengan mendapatkan makanan yang halal dapat mendorong manusia untuk melakukan amalan yang soleh (al-Zuhayliy, 2009) Hanya amalan soleh, kerja amal dan perbuatan yang baik sahaja menunjukkan manusia yang beriman sekali gus melambangkan ketakwaannya (Qutb, 2003 dan M. Quraish Shihab (2002).

Allah SWT bukan sahaja mendorong supaya hamba-Nya mendapatkan dan menggunakan produk halal, tetapi Allah SWT juga menekankan supaya manusia kekal beribadat kepada Allah SWT. Perintah Allah SWT bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal manusia semata-mata, tetapi menyempurnakan keperluan spiritual manusia iaitu dengan berterusan melakukan amal soleh. Hal ini turut dinyatakan dalam firman Allah SWT:

وَأَذِقُوا الْفُقَرَاءَ مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ وَقُولُوا حِطَّةً وَادْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا نَغْفِرْ
لَكُمْ خَطِيئَتِكُمْ سَنَزِيدُ الْمُحْسِنِينَ ١٦١

“Dan (ingatlah) ketika dikatakan kepada mereka; ‘Tinggallah dalam bandar ini dan makanlah dari makanannya apa sahaja yang kamu sukai dan berdoalah dengan berkata; ‘(Wahai Tuhan kami), gugurkanlah (dosa kami)’, dan masuklah melalui pintu (bandar) itu dengan tunduk merendah diri, supaya Kami mengampunkan dosa-dosa kamu. Kami akan menambah (balasan) bagi orang-orang yang berbuat kebaikan” (al-‘Araf, 7:161).

Ayat yang dinyatakan di atas menunjukkan nikmat makanan yang telah Allah SWT berikan kepada Bani Israel. Mereka dibenarkan untuk makan seenaknya buah-buahan atau makanan lain yang banyak di negara itu iaitu Baitul Maqdis. Kemudian hendaklah diikuti dengan memohon ampun kepada Allah SWT atas kesalahan lalu dan perlu merendah diri kepada Allah SWT, menundukkan kepala, sujud tanda bersyukur dan jangan sombong. Jika semuanya dipatuhi maka akan ditambah rezeki yang berganda serta diampunkan dosa lalu (al-Zuhayliy, 2009). Menurut Ibn Kathir (1998), surah al-A'raf (39:161) adalah sama maksudnya dengan ayat lain seperti berikut, Dan (kenanglah) ketika Kami berfirman:

وَإِذْ قُلْنَا ادْخُلُوا هَذِهِ الْقَرْيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ رَغَدًا وَاَدْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حِطَّةً نَّعْفِرْ
لَكُمْ خَطِيئَتَكُمْ وَسَنَزِيدُ الْمُحْسِنِينَ

“Masuklah kamu ke bandar ini, kemudian makanlah dari benda-benda yang ada di dalamnya dengan sepuas-puasnya, apa sahaja yang kamu sukai. Dan masuklah kamu melalui pintunya dengan tunduk (merendah diri); dan mintalah dengan ampun dengan) berkata; ‘Ya Allah ampunilah dosa kami’; supaya kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu dan kami akan tambah pula pahala orang-orang yang berbuat baik (al-Baqarat, 2:58)

Dalam pada itu menurut al-Raziy yang dipetik daripada al-Zuhayliy (2009), masih terdapat perbezaan antara kedua ayat tersebut antaranya perbezaan lafaz وَكُلُوا dalam ayat al-A'raf (39:161) yang ini manakala dalam surah al-Baqarat (2:58) digunakan lafaz فَكُلُوا dan begitu juga terdapat lafaz-lafaz lain yang berbeza maksudnya.

Namun begitu yang penting dalam konteks ini ialah, Allah SWT menuntut hamba-Nya memohon ampun setelah melakukan kesalahan lalu dan bersegeralah melakukan amal soleh yang disukai Allah SWT. Sebahagian sahabat menyatakan bahawa perbanyakkanlah zikir dan istighfar (memohon keampunan) ketika mendapat pertolongan atau kemenangan (Ibn Kathir, 1998).

Secara umumnya, amal soleh dibahagikan kepada tiga perkara iaitu amal soleh dengan Allah SWT, amal soleh sesama manusia dan amal soleh dengan alam sekitar. Hal ini seperti yang dijelaskan menerusi dalil al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW seperti berikut; Dari Abu Hurairat dari Nabi SAW bersabda:

“Ada tujuh golongan yang Allah melindungi mereka dalam lindungan-NYA pada hari kiamat, di hari ketika tiada perlindungan selain perlindungan-Nya, iaitu; imam yang adil, pemuda yang sentiasa dalam beribadah kepada Allah, seseorang yang sentiasa mengingat Allah ketika bersendirian sehingga matanya berlinang, seseorang yang hatinya sentiasa terikat dengan masjid, dua orang yang saling mencintai kerana Allah, seseorang yang diajak berzina oleh wanita bangsawan dan rupawan, namun ia menjawab; ‘Saya takut kepada Allah’, serta seseorang yang bersedekah secara sembunyi-sembunyi, sehingga tangan kirinya tidak tahu terhadap amalan tangan kanannya.” (Riwayat Bukhari, No Hadis 6308)

Daripada Anas r.a., katanya: Rasulullah SAW bersabda: "Seorang Muslim yang menanam pohon atau tanaman-tanaman, lalu sebahagian hasilnya dimakan burung, manusia, atau binatang, maka orang yang menanam itu mendapat pahala" (Riwayat Muslim, No. Hadis 2901).

Firman Allah SWT:

وَجَعَلْنَا فِي الْأَرْضِ رُوسِي أَنْ تَمِيدَ بِهِمْ وَجَعَلْنَا فِيهَا فِجَاجًا سُبُلًا لَّعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ

“Dan Kami jadikan di bumi gunung-ganang yang menetapnya, supaya bumi itu tidak menggegar mereka; dan Kami jadikan di celah-celahnya jalan-jalan laluan, supaya mereka mendapat petunjuk” (al-Anbiya’, 21:31).

Antara contoh lain amal soleh yang dilakukan dengan konsep halal haram dalam kehidupan adalah merujuk kepada firman Allah SWT:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُفْرًا بِآيَاتِهِ تَعْبُدُونَ

“Oleh itu, makanlah (Wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik, dan bersyukur akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata” (al-Nahl, 16:114).

Rasa bersyukur itu juga secara tidak langsung menjelaskan konsep perhambaan manusia kepada Allah SWT. Selain daripada ayat al-Nahl (16:114) tersebut, terdapat beberapa ayat yang menjelaskan tuntutan bersyukur atas rezeki yang dikurniakan antaranya dalam Surah Saba’ (34:15), al-Baqarat (2:172) dan al-Anfal (8:26). Umumnya, ayat ini mendorong manusia supaya bersyukur setelah mendapatkan makanan yang halal (Ibn Kathir, 1998 dan Qutb, 2003). Menurut Hamka (1990), ‘bersyukurlah akan nikmat Allah SWT’ ini membawa maksud yang luas. Sebagai contoh, bagaimana penduduk sesebuah negeri menjaga sawah padi untuk setiap perkara seperti sumber pengairan, kesuburan tanah serta pokok-pokok hutan sekeliling perlu dijaga. Memelihara segala nikmat Allah SWT tersebut dengan baik merupakan tanda hamba yang bersyukur.

Syukur merupakan amalan yang paling dekat dengan konsep ‘*ubudiyyat*’ iaitu bersih dari segala bentuk syirik. Dalam pada itu, syirik yang dimaksudkan oleh Qutb (2003) melalui ayat ini ialah mengharamkan sesetengah makanan yang baik dengan menggunakan nama tuhan yang palsu. Namun, Islam tidak melarang umat-Nya untuk makan makanan yang haram tetapi sekadarnya sahaja bagi mengelakkan darurat (Ibn Kathir, 1998).

Lafaz syukur ini juga berkait rapat dengan rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT. Namun terdapat dua perbezaan erti rezeki dalam ayat al-Nahl (16:114) tersebut. Pengertian pertama lafaz rezeki tersebut membawa maksud hasil tanam-tanaman dan binatang ternak. Hal ini dijelaskan oleh Ibn Kathir (1998), al-Tabariy (2001), Qutb (2003) dan al-Maraghiy (2001). Seterusnya pengertian kedua bagi lafaz rezeki tersebut merujuk kepada harta rampasan perang. Hal ini dinyatakan oleh al-Qurtubiy (2008). Perkara yang sama juga terdapat dalam ayat lain seperti firman Allah SWT seperti berikut:

وَأَذْكُرُوا إِذْ أَنْتُمْ قَلِيلٌ مُسْتَضْعَفُونَ فِي الْأَرْضِ تَخَافُونَ أَنْ يَتَخَطَّفَكُمُ النَّاسُ فَآوَاكُمْ وَأَيَّدَكُمْ بِبَصَرِهِ
وَرَزَقَكُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

“Dan ingatlah ketika kamu sedikit bilangannya serta tertindas di bumi, kamu takut orang menangkapmu, maka Allah memberimu tempat bermastautin dan Dia perkuatkan kamu dengan pertolongan-Nya, serta dikurniakan-Nya kamu dari rezeki yang baik-baik, supaya kamu bersyukur” (al-Anfal, 8:26).

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tafsir bagi maksud bagi ‘rezeki yang baik’ dalam Surah al-Anfal (8:26) tersebut. Al-Qurtubiy (2006) dan Qutb (2003) menjelaskan rezeki yang baik merujuk kepada harta rampasan perang selepas peperangan Badar berlaku. Namun, sebahagian ulama tafsir lain seperti al-Tabariy (2001) dan M.Quraish Shihab (2002) memberi maksud makanan yang halal lagi baik. Selain itu, al-Zuhayliy (2009) pula menjelaskan maksud yang lebih umum, iaitu ‘rezeki yang baik’ boleh dinyatakan sebagai setiap perkara yang membawa kebaikan. Kesimpulannya, walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ahli tafsir mengenai lafaz ‘rezeki yang baik’ tersebut, namun mereka bersepakat bahawa rezeki yang baik tersebut dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Konsep ketakwaan ini pula dijelaskan dalam ayat berikutnya:

فَكُلُوا مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

“Maka makanlah dari apa yang kamu dapat (dalam peperangan) itu yang halal lagi baik, serta bertakwalah kepada Allah; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani” (al-Anfal, 8:69).

Berdasarkan ayat tersebut, terdapat tiga pengertian berbeza konsep takwa menurut para ulama tafsir. Pertama, al-Tabariy (2001) menyatakan takwa bermaksud takut, tetapi dalam skop yang lebih luas seperti rasa takut sebelum melakukan apa-apa tindakan dalam agama. Kedua, al-Maraghiy (2001) pula menyatakan, bertakwa kepada Allah SWT bermaksud menghindari daripada makan sebahagian harta manusia sama ada harta bukan Islam atau harta orang mukmin sebelum Allah SWT mengizinkannya. Walau bagaimanapun pendapat ketiga menurut Qutb (2003), manusia sebagai hamba tidak terpedaya dengan mengharap limpah rahmat Allah SWT semata-mata sehingga lupa untuk bertakwa, menjauhi dosa dan sentiasa takut kepada Allah SWT. Ayat ini juga berkait rapat dengan ayat seterusnya iaitu Surah al-Anfal (8:70). Dalam ayat tersebut, Allah SWT akan memberi keuntungan yang lebih besar dan mulia bagi mereka yang patuh pada arahan-Nya. Keuntungan tersebut lebih besar daripada harta benda yang ada serta kampung halaman yang ditinggalkan ekoran kejahatan masa dulu. Antara ayat lain yang menghubungkan makan makanan yang baik dengan ketakwaan kepada Allah SWT juga firman-Nya yang bermaksud:

يَسْأَلُونَكَ مَاذَا أَحَلَّ لَهُمْ قُلْ أَحَلَّ لَكُمْ الطَّيِّبَاتِ وَمَا عَلَّمْتُم مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِينَ تُعَلِّمُوهُنَّ مِمَّا عَلَّمْتُمُ
اللَّهِ فَكُلُوا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

“Mereka bertanya kepadamu: Apakah yang diharamkan bagi mereka? Katakanlah: Diharamkan bagi kamu yang baik-baik, dan (buruan) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepadamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya; dan bertakwalah kepada Allah; Sesungguhnya Allah amat cepat hitungan hisab-Nya” (al-Mai’dat, 5:4).

Berdasarkan ayat tersebut, konsep takwa dihubungkan terus dengan kewajiban mendapatkan makanan yang halal. Takwa membawa maksud yang luas. Namun dalam ayat ini takwa sangat berkait rapat dengan hisab iaitu perhitungan amalan. Takwa juga merujuk rasa takut ketika mengerjakan perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya (al-Qurtubiy, 2006 dan al-Maraghiy, 2001). Seterusnya terdapat para ulama tafsir memperincikan mengenai manusia yang perlu berhati-hati dan bersungguh-sungguh memastikan makanan yang diperoleh merupakan makanan yang halal sekali gus melambangkan ketakwaan kepada Allah SWT.

Sebagaimana dinyatakan oleh Hamka (1990), takwa juga menyebabkan manusia akan meneliti makanan yang dimiliki tersebut halal ataupun haram. Selari dengan pandangan tersebut adalah Qutb (2003:846) menjelaskan bahawa, manusia yang mengambil berat tentang persoalan makanan halal dan haram adalah kerana kesedaran takwanya dan menjadi asas bagi setiap niat, amalan dan tindakan manusia.

Setelah analisis dilakukan. Falsafah akhlak merupakan sarana dan dorongan dalam kepenggunaan produk halal. Manakala elemen nilai merujuk kepada natijah atau kesan baik hasil daripada ketundukan manusia memahami dan bertingkah laku seperti yang dituntut dalam al-Qur’an. Secara ringkasnya hal ini dijelaskan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 : Falsafah Akhlak dan Nilai dalam Kepenggunaan Produk Halal

| Akhlak | Elemen Nilai (Natijah) |
|--|---|
| a. Berusaha mendapatkan makan yang baik dan halal | <p>Orang Berjaya Peroleh keredaan-Nya Fizikal yang baik Sihat tubuh badan Menenteramkan Meningkatkan takwa Menonjolkan kehambaan manusia Bukti Ketakwaan Bertambah rezeki</p> |
| b. Kepatuhan terhadap tuntutan mendapatkan makanan yang halal dan menjauhi yang haram | |
| c. Melakukan amal soleh dengan Allah SWT, amal soleh sesama manusia dan amal soleh dengan alam sekitar | |
| d. Bertanggungjawab terhadap jasad diri sendiri | |
| e. Berusaha mencari rezeki dan makanan yang baik serta dalam masa yang sama kekal beribadah | |
| f. Bersyukur dengan rezeki yang baik dan halal melambangkan konsep perhambaan | |
| g. Meneliti dan berusaha mendapatkan makanan yang baik | |

Jadual 1 tersebut menunjukkan rumusan akhlak dan nilai dalam kepenggunaan produk halal berdasarkan ayat al-Qur'an terpilih. Menurut Abdul Rahman Abdullah (2010), antara perkara penting dalam prinsip akhlak Islam ialah terdapat hukuman dan ganjaran di atas setiap perlakuan yang dilakukan, iaitu *targhib* (menggalakkan seseorang melakukan sesuatu dengan mendapat ganjaran tertentu) dan *tarhib* (mengancam seseorang dengan balasan azab di dunia atau di akhirat). Justeru akhlak yang dimaksudkan dalam makalah ini adalah *targhib*. Hal ini seiring dengan elemen nilai atau natijah yang diperoleh seseorang atau masyarakat di dunia atau akhirat.

Akhlak dan nilai dalam kepenggunaan produk halal merangkumi aspek manusia dengan Allah SWT, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar. Contohnya, terdapat kecenderungan berbeza antara pemain industri, ahli sains dan ahli fikah, mementingkan keuntungan sebelah pihak sahaja, keghairahan menghasilkan produk sehingga mengabaikan kualiti sesuatu produk, penyediaan makanan halal perlulah mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh pihak bertanggungjawab dan lain-lain lagi. Selanjutnya hubungan manusia dengan alam sekitar pula melibatkan akhlak manusia dengan haiwan khususnya dalam isu penyembelihan haiwan. Akhirnya pematuhan hubungan manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar melambangkan kepatuhan manusia dalam hubungan manusia dengan Allah SWT. Manusia sebagai makhluk perlulah berfikir dan bertindak mengikut kehendak *Khaliq*.

Kesimpulan

Islam telah menggariskan akhlak dan nilai yang terpuji bagi memastikan manusia terus menjalani kehidupan yang baik dan sejahtera. Bukan sahaja memenuhi keperluan dan kehendak fizikal tetapi tuntutan spiritual manusia. Pada manusia terdapat *ruh*, akal, nafsu dan jasad yang perlu taat pada perintah Allah SWT. Kesemua ini merupakan lambang *ta'abbudi* manusia kepada Allah SWT. Manusia perlu berakhlak dalam mengurus dan menggunakan produk halal sebaik mungkin tanpa mengabaikan beberapa faktor seperti ketundukan manusia sebagai hamba, tanggungjawab manusia terhadap manusia serta keprihatinan manusia terhadap alam sekeliling. Kesemuanya dinilai seiring dengan kepatuhan manusia terhadap halal dan haram yang telah Allah SWT tetapkan.

Rujukan

- Abdul Rahman Abdullah. (2010). Wacana falsafah sains, sejarah dan pemikiran. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM.
- Ahmad Sunawari Long (2015). *Sejarah falsafah edisi kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamka (1990). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD
- Ibn Kathir, al-Hafiz Abi al-Fida' Isma'il. (1998). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat
- Khalijah Mohd Salleh. (2007). Isu-isu dalam sains dan teknologi: penyelesaian secara Islam. dlm. Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (ed). pendekatan holistik sains dan agama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Lokman Ab. Rahman. (2013). Sainis dan halal. Diakses dari [http://www. pehma. org.my /artikel/101-sainis-dan-halal.html](http://www.pehma.org.my/artikel/101-sainis-dan-halal.html).
- M.Quraish Shihab (2003). *Tafsir al-Misbah pesan, kesan dan keserasian al-Qur'an*. Jakarta: Penerbit Lentera Hari
- al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. (2001). Tafsir al-Maraghiy (Terj. Muhammad Talib). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Mat Rofa Ismail. (2006). Falsafah sains pendekatan kualitatif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Aizat Jamaluddin, Mohd Anuar Ramli, Mariam Abdul Latif dan Dzulkifly Mat Hashim & Suhaimi Ab Rahman (2012). *Pendidikan Kepenggunaan Halal Di Malaysia*. Kertas Kerja yang dibentangkan di Konferensi Antarabangsa Islam Borneo V, 2012
- Mohd Hapiz Mahaiyadin dan Muhammad Rahimi Osman (2015). Kerangka Fiqh Kepenggunaan dan Rekonstruksinya Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*. Vol 2 (1). Hlm 135-154
- Mohd Syahmir Alias. (2016). Bebas nilai dalam penyelidikan saintifik: Kajian dari perspektif perkaedahan penyelidikan berteraskan Islam. (Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan). Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Nasir Omar (2019). *Falsafah Akhlak Edisi Kedua*. Penerbit UKM: Bangi
- Noraizan M dan Syuhaida Idha, A.R (2019). Pendidikan Kesedaran Halal Melalui Kurikulum Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah-Sekolah Di Malaysia. *GJAT*. November 2019, Special Issue, hlm 133-145
- Noraniza Abd Kadir (2016). Trend produk makanan tambahan dan kosmetik di Malaysia. Diakses daripada <https://www.majalabsains.com/trend-produk-makanan-tambahan-dan-kosmetik-di-malaysia/>.
- Norkumala Awang (2016). Cantik: Di mana tahap kesedaran pengguna?. Diakses daripada [http:// www.ikim.gov.my /index.php /2016/04/12 /cantik-di-mana-tahap-kesedaran-pengguna](http://www.ikim.gov.my/index.php/2016/04/12/cantik-di-mana-tahap-kesedaran-pengguna).
- Norleen Mohamed Ali (2014). Aduan pengguna terhadap kesan sampingan ubat. Diakses daripada <http://www.myhealth.gov.my/aduan-pengguna-terhadap-kesan-sampingan-ubat-ubatan>.
- Nurshuhada Abdul Razak dan Siti Zaiton Mohd Dali (2012). Perbezaan Analisis Kepenggunaan Menurut Ekonomi Konvensional dan Ekonomi Islam. *Prosiding PERKEM VII*, Jilid 2 (2012). Hlm 1461– 1470
- Portal Rasmi Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (2015). Risiko pembelian ubat melalui Internet. Diakses daripada [https:// www. pharmacy. gov.my/v2 /ms/ entri/risiko- pembelian -ubat-melalui-internet.html](https://www.pharmacy.gov.my/v2/ms/entri/risiko-pembelian-ubat-melalui-internet.html).
- al-Qurtubiy, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy. (2006). *Al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut, Lubnan: Mua’sasaṭ al-Risalaṭ
- Qutb, Sayid. (2003). *Fi Zilal al-Qur’an*. Dar al-Syuruq: Kaherah
- Seyyed Hossein Nasr (2006). *Islamic philosophy from its origin to the present : philosophy in the land of prophecy*. New York: State University of New York Press
- Shaharir Mohamad Zain. (2018). Pengenalan sejarah dan falsafah sains Edisi Ketiga. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Shahirah Said (2020). Falsafah Sains Halal dalam al-Qur'an: Kajian Tafsir *al-Mawdu'iy*. Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM)
- Shaik Abdullah Hassan Mydin, Abdul Salam Muhammad Shukri dan Mohd Abbas Andul Razak (2020). Peranan Akhlak dalam Kehidupan : Tinjauan Wacana Akhlak Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 21 (1): 38-54.
- Shuhairimi Abdullah (2008). Penulis tamu: Perbezaan falsafah nilai menurut kaca mata Islam dan Barat. Perlis: Penerbit UniMAP.
- al-Tabariy, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir. (2001). *Tafsir al-Tabariy al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*, Jld. 10. Kaherah: Al-Taba'at wa Al-Nasyar wa Al-Tuzi' wa Al-I'lan.
- al-Zuhayliy, Wahbat. (2009). *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqida wa al-Syari'at wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dar al-Fikr.